



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 23 JANUARI 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



KPDN laksana tiga insentif rakyat sempena Tahun Baharu Cina 2025

KOTA KINABALU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melaksanakan tiga insentif rakyat menjelang sambutan perayaan Tahun Baharu Cina pada 29 Januari 2025.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, inisiatif berkenaan ialah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina, Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) Tahun Baharu Cina dan Program Servis Ihsan Madani@Petronas AutoExpert (SIM@PAX).

Katanya, SHMMP Tahun Baharu Cina 2025 akan berkuatkuasa dari 25 Januari hingga 2 Februari 2025. Tempoh pelaksanaan adalah selama 9 hari iaitu 4 hari sebelum perayaan, 1 hari semasa perayaan dan 4 hari selepas perayaan," katanya dalam satu kenyataan.

KPDN telah mengenal pasti sebanyak 16 jenis barangan yang akan dikawal di bawah skim kali ini. Ia terdiri ikan bawal putih (berat antara 200 gram hingga 400 gram seekor), udang putih (berat antara



LANCARKAN Armizan melancarkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena pelaksanaan insentif rakyat Tahun Baharu Cina 2025.

41 ekor hingga 60 ekor sekilogram), kobis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk Beijing), ubi kentang import (China), bawang putih (China), halia tua (import), lobak merah, lobak putih, babi hidup, daging babi (perut), daging babi (daging dan lemak), cili merah, bawang kuning besar (Semenanjung Malaysia sahaja), bawang merah besar import, sawi pendek / sawi

jepun, kepek ayam (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja).

Armizan berkata, skim ini akan dikuatkuasakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Harga maksimum yang telah ditetapkan di peringkat borong dan runcit boleh disemak melalui laman web KPDN di www.kpdn.gov.my.

Sehubungan itu, katanya pega-

wai-pegawai penguat kuasa KPDN di seluruh negara akan ditugaskan di lokasi-lokasi strategik seperti di pasar awam, pasar tani dan pusat membeli-belah barangan keperluan perayaan bagi menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan untuk memastikan pematuhan dalam kalangan para peniaga seterusnya melindungi kepentingan para pengguna.

Katanya, KPDN akan terus menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi memastikan bekalan barangan yang dikawal adalah mencukupi sepanjang tempoh pelaksanaan Skim.

"Kerajaan berharap semua pihak dapat mematuhi harga-harga yang telah ditetapkan ini dan menggunakan label merah jambu bagi barangan yang dikawal harganya," katanya.

Armizan meingatkan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini.

"Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tin-

dakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti," tegasnya.

Kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum, dimana individu boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompau sehingga RM50,000 manakal syarikat boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompau sehingga RM250,000.

Kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal dimana individu boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompau sehingga RM5,000, manakala syarikat boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompau sehingga RM10,000.

Sehubungan itu, katanya KPDN meminta kerjasama orang ramai untuk memaklumkan sebarang aduan melalui saluran WhatsApp 019-848 8000; Call Centre 1-800-886-800; E-mel e-aduan@kpdn.gov.my; dan Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN.

Pemandu lori ditahan ubah suai tangki minyak

Dua buah tangki tambahan yang telah diubah suai ditemukan di bahagian belakang lori berkenaan

Oleh Hamzah Sanudin

TAWAU: Seorang lelaki ditahan selepas cuba membawa sebanyak 241 liter minyak diesel dengan mengubah suai tangki minyak lori di sebuah stesen minyak di Jalan Kuhara, di sini, pada Selasa.

Lelaki tempatan berusia 36 tahun itu ditahan sepasukan anggota Pasukan Polis Marin (PPM) Tawau ketika sedang leka mengisi minyak di lori berkenaan.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Mohd Nazri Ibrahim berkata, pihaknya menerima maklumat risikan

mengenai kegiatan itu di daerah ini.

Katanya, hasil pemeriksaan ke atas lori suspek menemukan dua buah tangki tambahan yang telah diubah suai di bahagian belakang lori berkenaan untuk menyimpan minyak diesel.

"Lelaki itu juga gagal mengemukakan sebarang dokumen atau permit daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk membawa diesel di dalam tangki tambahan.

"Tangkapan dan rampasan itu kemudian dibawa ke Markas Operasi PPM Tawau un-

tuk tindakan serta siasatan lanjut," katanya dalam kenyataan media, di sini semalam.

Menurutnya, jumlah keseluruhan rampasan termasuk lori dan minyak diesel berkenaan dianggarkan bernilai RM72,520.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan dengan niat melakukan kesalahan.

"Orang awam dinasihatkan supaya tidak terlibat dengan aktiviti penyeludupan dan sekiranya didapati tindakan undang-undang akan dikenakan kepada pelaku," katanya.



SIASAT: Pemandu lori dan barang rampasan dibawa ke Markas Operasi PPM Tawau untuk siasatan lanjut.

UMNO Sabah tunggu kajian perbezaan harga barang: Bung Moktar

Oleh Hamzah Sanudin

KOTA KINABALU: UMNO Sabah menyambut baik usaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) menjalankan kajian perbezaan harga barang di Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung.

Ketua UMNO Sabah, Datuk Seri Panglima Bung Moktar Radin berkata usaha itu menunjukkan keprihatinan KPDN terhadap isu yang dibangkitkan, khususnya di Sabah.

Katanya, UMNO Sabah menzahirkan terima kasih kepada Menteri dan Timbalan Menteri KPDN kerana memberi respons segera terhadap kenyataannya sebelum ini.

"Saya menyambut baik usaha yang dilaksanakan KPDN ini menerusi kajian Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

"Kami di peringkat pemimpin dan ahli UMNO Sabah berminat untuk menunggu laporan kajian berkenaan," katanya dalam kenyataan media, di sini, semalam.

Bung berkata, pihaknya juga yakin hasil kajian ini akan memberi gambaran yang lebih jelas terhadap punca perbezaan harga barang antara Sabah, Sarawak, dan Semenanjung Malaysia.

"Ia juga dilihat dapat membantu dalam mencari penyelesaian jangka panjang terhadap isu ini," katanya.

Sementara itu, berhubung isu harga ayam yang mencecah sehingga RM16.50 sekilogram, katanya maklumat itu diperolehi daripada orang awam.

"Saya telah meminta agar mereka melaporkan segera lokasi di mana harga sebegini masih dijual dan jika benar masih ada, pihak penguat kuasa KPDN perlu segera mengambil tindakan.

"Namun, saya percaya selepas isu ini tular, kemungkinan besar penjual tidak lagi berani menawarkan harga seperti itu secara terang-terangan," katanya.*



BUNG MOKTAR

Menurutnya, UMNO Sabah melalui Majlis Perhubungan Awam dan Kepenggunaan Komuniti akan menghantar memorandum dan aduan secara rasmi kepada KPDN berkenaan harga ayam ini.

Katanya, isu harga ayam mahal di Sabah sememangnya bukan isu baru, namun ia bukan alasan untuk mana-mana pihak, khususnya kerajaan hari ini, memberi jawapan mudah seolah-olah menafikan usaha kerajaan terdahulu dalam menangani masalah yang sama.

"Apa yang diperlukan adalah komitmen untuk menyelesaikan isu ini secara berkesan dan harga ayam bukan isu politik tetapi isu rakyat kerana ia adalah keperluan asas yang harus ditangani secara holistik.

"Kerajaan juga perlu mengambil langkah segera kerana ia semakin membebankan rakyat Sabah, terutamanya mereka yang berpendapatan rendah," katanya.

Selain harga ayam, katanya, banyak lagi barangan keperluan lain yang juga mengalami jurang harga yang besar antara Sabah dan Semenanjung.

"Apa yang saya sampaikan ini adalah antara keluhan rakyat akar umbi dan memikirkan dengan rasional kos sara hidup rakyat yang semakin tinggi saban hari.

"Justeru, saya menyeru bukan sahaja KPDN tetapi semua agensi kerajaan berkaitan untuk mencari jalan penyelesaian bagi mengurangkan jurang harga barang keperluan ini," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Isu logo halal

Amaran usah keruhkan lagi keadaan

Kerajaan tak berkompromi pihak gugat keharmonian

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba mengganggu gugat keharmonian negara, termasuk melalui tindakan dan kenyataan yang boleh mencetuskan ketegangan dalam kalangan rakyat.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata sejak kebelakangan ini, terdapat segelintir pihak yang membuat tindakan seumpama itu, terutama apabila berlaku pelbagai insiden yang mengganggu gugat keharmonian.

Beliau berkata, ini termasuk insiden sebuah cawangan kedai serbaneka, KK Mart di Universiti Malaya (UM) yang disimbah cat merah oleh individu tidak bertanggungjawab.

Ketika ini, katanya, isu penjualan produk sandwich *ham and cheese* yang dijual di kedai itu,

yang dipercayai menjadi punca insiden berkenaan sedang dalam siasatan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Justeru, saya mohon semua pihak supaya tidak mengeruhkan keadaan lagi dengan mengeluarkan atau membuat tindakan provokasi.

"Setiap warganegara Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk menjaga dan memelihara sensitiviti demi memastikan keamanan serta kesejahteraan negara kekal terjamin," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Media sebelum ini melaporkan, KK Mart cawangan UM yang terpalit kontroversi kerana menjual sandwich *ham and cheese*

“Setiap warganegara Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk menjaga dan memelihara sensitiviti demi memastikan keamanan serta kesejahteraan negara kekal terjamin”

Aaron Ago Dagang,
Menteri Perpaduan Negara



KK Mart cawangan UM terpalit kontroversi kerana menjual sandwich *ham and cheese*.
(Foto Nabila Adlina Azahari/BH)

disimbah cat merah, tengah malam kelmarin.

Berdasarkan pemantauan rakaman kamera litar tertutup (CCTV), dua individu menunggang motosikal disyaki terbabit membaling cat berkenaan.

Hormati nilai murni

Aaron berkata, sebagai negara yang menuju kemajuan, penting untuk semua pihak terus menghormati nilai murni yang terkandung dalam Rukun Negara dan prinsip integrasi nasional, iaitu Fahaman, Hormat dan Terima sebagai asas perpaduan nasional.

Di pihak kerajaan, pelbagai usaha sedang dan akan terus dilaksanakan bagi memperkuatkan perihwal pengurusan perpaduan serta keharmonian.

Sejajar usaha itu, Kementerian katanya, menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan dan akan memperluas perkhidmatan Mediator Komuniti pada peringkat akar umbi serta penggunaan sistem e-Sepakat kepada orang ramai bagi membolehkan mereka membuat laporan berkaitan isu perpaduan.

"Saya juga ingin menekankan yang perpaduan bukanlah tugas eksklusif kerajaan semata-mata tetapi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia.

"Dalam era digital ini, tanggungjawab ini menjadi lebih penting apabila kita berkomunikasi di platform media sosial.

"Justeru, saya menggesa semua pihak untuk menggunakan media sosial dengan bijak, mengelakkan sebarang provokasi dan sentiasa mengutamakan perpaduan," katanya.



Tangani salah guna sijil halal



**NOOR
MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**

ISU salah guna sijil halal yang semakin berleluasa di negara ini terus mencetuskan polemik dan kebimbangan dalam kalangan pengguna khususnya umat Islam kerana dikuatir menjadi budaya perniagaan yang tidak bertanggungjawab. Ironinya ini bukan sekadar soal kebersihan dan kualiti makanan tetapi bagi umat Islam tidak berkompromi dalam halal dan haram dalam apa jua keadaan sekalipun.

Hakikatnya kes penyalahgunaan logo dan sijil halal semakin membimbangkan apabila ada sahaja pihak yang terus degil, tidak mahu mematuhi peraturan selain tidak sensitif dengan kehendak dan keperluan majoriti pengguna iaitu umat Islam.

Harus diingat kebimbangan umat Islam tentang isu ini sangat signifikan dan ada asasnya kerana berdasarkan laporan dan pendedahan sebelum ini, sehingga Disember 2024 didapati sebanyak 56 kes penipuan logo dan pensijilan halal yang melibatkan nilai rampasan RM1.813 juta direkodkan di seluruh negara dan sudah semestinya data seperti ini meragut keyakinan pengguna Islam. Apa yang pasti budaya tidak bertanggungjawab ini perlu dihentikan segera.

Dari segi hukuman yang sedang berkuat kuasa pula, berdasarkan peraturan Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011, sesebuah syarikat boleh dikenakan denda sehingga RM5 juta manakala untuk individu pula, denda tidak lebih RM1 juta atau penjara maksimum tiga tahun.

Manakala untuk peraturan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, sesebuah syarikat boleh dikenakan denda tidak melebihi RM200,000 dan kesalahan berikut tidak lebih RM500,000. Untuk



UMAT Islam pastinya mengambil berat soal halal pada produk makanan.

“Sehingga Disember 2024 didapati sebanyak 56 kes penipuan logo dan pensijilan halal yang melibatkan nilai rampasan RM1.813 juta direkodkan di seluruh negara.”

individu pula, denda tidak lebih RM100,000 atau penjara setahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan berikut RM250,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya.

Selain itu, menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), dalam konteks pensijilan halal Malaysia, mana-mana produk atau perkhidmatan tidak boleh diperihal halal dan ditanda dengan halal selagi mana tiada pengesahan mahupun perakuan daripada pihak berautoriti pensijilan halal Malaysia.

Memandangkan kesalahan ini masih berleluasa maka dicadangkan pihak berkuasa

meneliti semula kadar denda sedia ada. Walaupun kelihatan sudah tinggi namun kekerapan berlaku kes seperti ini menunjukkan masih ada yang tidak pandang serius nilai denda tersebut maka, wujud keperluan ia dinilai semula.

Mungkin juga sudah tiba masanya diperkenalkan hukuman lain termasuk membatalkan lesen pengusaha serta merta jika didapati bersalah ketika pemeriksaan. Kita perlu memastikan mereka tutup segera operasi dan tidak terus memperdaya pengguna. Dalam hal ini sebagai pengajaran, proses rayuan untuk memohon semula lesen yang dibatalkan wajar digantung untuk suatu tempoh masa yang bersesuaian.

Pada masa sama kita juga berharap operasi penguatkuasaan oleh pihak berkuasa dilaksanakan secara lebih kerap yakni lebih berstruktur dengan jadual pemeriksaan secara berkala.

Kita memahami kemungkinan kekangan sumber manusia untuk melaksanakan operasi lebih kerap di seluruh negara namun ia satu keperluan yang sangat mendesak demi melindungi pengguna Islam.

Maka bagi meringankan beban anggota penguatkuasa yang ada, dicadangkan agar pihak berkuasa memilih, melatih dan melantik penguatkuasa sambilan berstatus sukarelawan dari kalangan pemimpin masyarakat termasuk wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang boleh diberi kuasa dan tauliah untuk melakukan pemeriksaan di premis perniagaan. Mereka yang layak wajar diberi kuasa untuk mengeluarkan arahan penutupan operasi sehingga selesai proses penyiasatan lanjut.

Di samping itu dicadangkan kempen kesedaran dan pendidikan tentang kepentingan konsep halal yang mencakupi aspek kebersihan dan kesihatan diperbanyakan.

Ringkasnya, para pengusaha perlu diperjelaskan kepentingan dan kelebihan memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM).

Hal ini sangat signifikan untuk diteliti dan difahami oleh pengusaha kerana ia membabitkan soal industri halal secara menyeluruh termasuk potensi peringkat global yang turut mencerminkan reputasi dan kedudukan Malaysia sebagai peneraju industri halal

yang telah mengekalkan kedudukan di tangga pertama untuk tahun ke-10 dalam Keadaan Ekonomi Islam Global (SGIE).

Harus diingat industri halal disasarkan menyumbang 8.1 peratus bersamaan RM137.6 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun ini dan diunjurkan meningkat kepada 10.8 peratus bersamaan RM260 bilion (2030).

PELUANG SEBAGAI PENERUSI ASEAN

Jangan juga lupa kedudukan Malaysia sebagai Penerusi ASEAN akan merancakkan lagi peluang dalam industri halal serantau. Merugikan jika pengusaha tempatan tidak mengambil peluang yang terbentang luas dalam industri ini apatah lagi terpalit pula dengan isu salah guna sijil atau logo halal.

Selain itu sebagai langkah pencegahan kita berharap pihak berkuasa boleh meningkatkan sesi libat urus dengan pemain industri makanan negara secara berkala. Ini akan membuka peluang untuk pihak industri berkongsi masalah yang mereka hadapi sekali gus membuka jalan untuk kedua-dua pihak mencari jalan penyelesaian yang menang-menang. Sesi dialog seperti ini akan membolehkan kedua-dua pihak memahami masalah masing-masing dengan lebih jelas.

Tuntasnya, polemik salah guna sijil halal perlu ditangani dan dinoktahkan dengan segera sebelum terus menjadi budaya yang sukar dikawal kelak.

Kita tidak mahu pengguna Islam semakin hilang kepercayaan selain insiden seperti ini menjejaskan kedudukan agama rasmi Persekutuan serta potensi industri halal negara.

PENULIS ialah Timbalan Pendaftar Fakulti Perkhidmatan Day Alam Selat, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Elak bertindak, keluar kenyataan jejas hubungan kaum



AARON

PUTRAJAYA - Setiap lapisan masyarakat di negara ini perlu mengelak melakukan sebarang tindakan atau mengeluarkan kenyataan yang boleh menjejaskan hubungan baik antara kaum dan agama, kata Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Menurutnya, tanggungjawab sebenar rakyat adalah memelihara sensitiviti demi memastikan keamanan

serta kesejahteraan Malaysia kekal terjamin.

"Sebarang tindakan atau ucapan yang melanggar prinsip harus dihentikan segera demi menjaga keamanan yang telah lama kita nikmati.

"Kita perlu memainkan peranan masing-masing dengan lebih bertanggungjawab dalam memperkukuh hubungan antara masyarakat berbilang kaum di negara kita," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Aaron berkata demikian sebagai mengulas insiden simbah cat merah di kedai serbaneka di Universiti Malaya (UM) yang dikaitkan dengan isu penjualan produk sandwic 'ham dan cheese' baru-baru ini.

Beliau memohon semua pihak tidak mengeruhkan keadaan dan memberi ruang kepada proses siasatan yang dijalankan polis, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Pada 13 Januari lepas, Jakim dalam kenyataan media mengesahkan produk 'ham dan cheese' yang dijual dalam premis di universiti awam itu tidak mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) dan syarikat yang menghasilkan produk itu bukan pemegang SPHM. - *Bernama*

Coconuts will be in short supply this Thaipusam

By N. TRISHA
trishang@thestar.com.my

GEORGE TOWN: This Thaipusam will likely see fewer coconuts being smashed due to a significant shortage caused by adverse weather conditions.

As a result, devotees may have to pay more as the limited supply has driven up prices.

Penang-based coconut supply shop managing director M. Joel Jeyachandran said the shortage began in September, primarily due to prolonged rainy weather that affected coconut production.

"It is a poor harvest, yet demand remains high. This has caused pricing to surge."

"Last year, a coconut was priced at RM1.90, but this year, the price has gone up to RM2.50," he said.

Joel said he could only allocate 30,000 coconuts for this year's Thaipusam celebration, a significant reduction compared to the 70,000 he supplied last year.

"We have informed those inter-



Dwindling bounty: A worker arranging coconuts for sale in preparation for Thaipusam next month at a shop in Jalan Datuk Keramat, Penang. — ZHAFFARAN NASIB/The Star

ested that coconuts will be sold on a first-come, first-serve basis to ensure fairness and prevent disappointment.

"Orders have started coming in,

but we expect demand to pick up in February, closer to the celebration," he said. "There is just not enough coconuts this year."

"We are finding it difficult to

even meet our daily demands for temple prayers, especially those used for Archanai (offering) rituals," he said.

Coconut supplier A. Anbarasan, based in Sitiawan, Perak, said the shortage is a nationwide issue.

"The plantations that supply us have informed us that this year's harvest is poor due to the weather."

"They simply do not have enough supply to meet the growing demand," he said.

As a result, Anbarasan said he will not supply coconuts for Thaipusam celebrations.

He said he did not have enough to meet the needs of both temples for daily prayers and the demand from devotees for Thaipusam.

"Given the limited supply, I have to prioritise the temples' needs for regular rituals."

Anbarasan said the weather has been particularly harsh in recent times, adding that every decade or more, coconut trees would yield fewer bunches.

"The wet weather has also

caused the coconuts to take longer to dry, complicating the process."

"Typically, each harvest cycle occurs every 45 days, but to meet the demand, they have had to shorten this period to just 30 days."

"This means the shells are not as strong, and the coconuts haven't fully browned, but we have no choice. We have to fulfil the temple orders," he added.

Anbarasan, who used to supply 300,000 coconuts to devotees during Thaipusam, said he could not accept any orders for now.

"We used to be able to get 15,000 coconuts a day, but now it is difficult to get even 4,000 to 5,000," he said.

Hindu devotees smash coconuts during Thaipusam to symbolise the breaking of one's ego to reveal the purity within.

Thaipusam falls on Feb 11 this year, with coconuts usually broken during the journey of the chariots to and from the temples on the eve and the day after the celebration.

Elak bertindak, keluar kenyataan jejas hubungan baik antara kaum dan agama

PUTRAJAYA: Setiap lapisan masyarakat di negara ini perlu mengelak melakukan sebarang tindakan atau mengeluarkan kenyataan yang boleh menjejaskan hubungan baik antara kaum dan agama, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

Aaron berkata tanggungjawab sebenar rakyat adalah memelihara sensitiviti demi memastikan keamanan serta kesejahteraan Malaysia kekal terjamin.

“Sebarang tindakan atau ucapan yang melanggar prinsip harus dihentikan segera demi menjaga keamanan yang telah lama kita nikmati.

“Kita perlu memainkan peranan masing-masing dengan lebih bertanggungjawab dalam memperkukuh hubungan antarmasyarakat

berbilang kaum di negara kita,” katanya dalam kenyataan semalam.

Aaron berkata demikian sebagai mengulas insiden simbah cat merah di kedai serbaneka di Universiti Malaya (UM) yang dikaitkan dengan isu penjualan produk sandwic ‘ham dan cheese’ baru-baru ini.

Beliau memohon semua pihak tidak mengeruhkan keadaan dan memberi ruang kepada proses siasatan yang dijalankan polis, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Pada 13 Januari lepas, JAKIM dalam kenyataan media mengesahkan produk ‘ham dan cheese’ yang dijual dalam premis di universiti awam itu tidak mempunyai Sijil

Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) dan syarikat yang menghasilkan produk itu bukan pemegang SPHM.

Dalam pada itu, UM menerusi kenyataan hari ini memaklumkan pihaknya memandang serius kejadian simbahan cat itu dan telah membuat satu laporan polis untuk tindakan lanjut.

“UM komited memberikan kerjasama penuh kepada pihak berkuasa dalam menjalankan siasatan. UM juga menggesa agar tindakan tegas diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab bagi memastikan perkara seperti itu tidak berulang.

“UM juga menyeru mana-mana pihak yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan insiden itu untuk tampil bagi membantu siasatan,” menurut kenyataan berkenaan. — Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 23 JANUARI 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
23-Jan	Pemandu lori, tiga pekerja Myanmar didakwa berurusan LPG haram	https://www.sinarharian.com.my/article/708626/berita/semasa/pemandu-lori-tiga-pekerja-myanmar-didakwa-berurusan-lpg-haram	SINAR HARIAN
23-Jan	Pemandu lori, tiga penjaga stor didakwa berurusan dengan LPG tanpa lesen	https://www.kosmo.com.my/2025/01/22/pemandu-lori-tiga-penjaga-stor-didakwa-berurusan-dengan-lpg-tanpa-lesen/	KOSMO
23-Jan	Pemandu lori, tiga penjaga stor didakwa berurusan dengan LPG tanpa lesen	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/pemandu-lori-tiga-penjaga-stor-didakwa-berurusan-dengan-lpg-tanpa-lesen/	UTUSAN MALAYSIA
23-Jan	Pemandu lori ditahan ubah suai tangki minyak	https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/22/pemandu-lori-ditahan-ubah-suai-tangki-minyak	UTUSAN BORNEO
23-Jan	KPDN laksana tiga inisiatif rakyat sempena Tahun Baru Cina 2025	https://sabahmedia.com/2025/01/22/kpdn-laksana-tiga-inisiatif-rakyat-sempena-tahun-baru-cina-2025/	SABAH MEDIA
23-Jan	Five new items added to festive price control scheme	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/22/five-new-items-added-to-festive-price-control-scheme	THE STAR
23-Jan	KPDN includes five more items under Festive Season Maximum Price Scheme for CNY	https://www.theborneopost.com/2025/01/22/kpdn-includes-five-more-items-under-festive-season-maximum-price-scheme-for-cny/	THE BORNEO POST
23-Jan	Peniaga diingat tidak naikkan harga, sempena Tahun Baru Cina	https://www.sabahgazette.com/peniaga-diingat-tidak-naikkan-harga-sempena-tahun-baru-cina/	SABAH GAZETTE
23-Jan	Peniaga tak jadi naik caj perkhidmatan hari cuti CNY, kata menteri	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/01/22/peniaga-tak-jadi-naik-caj-perkhidmatan-pada-hari-cuti-cny-kata-persatuan/	FREE MALAYSIA TODAY
23-Jan	KPDN rampas minyak masak paket seleweng lebih RM131,000	https://malaysiagazette.com/2025/01/22/kpdn-rampas-minyak-masak-pekete-seleweng-lebih-rm131000/	MALAYSIA GAZETTE

23-Jan	KPDN Johor tumpas kegiatan bungkus semula minyak paket dalam botol	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1352464/kpdn-johor-tumpas-kegiatan-bungkus-semula-minyak-paket-dalam-botol	BERITA HARIAN
23-Jan	Sindiket botolkan semula minyak masak peket ber-subsidi tumpas	https://www.sinarharian.com.my/article/708706/berita/sindiket-botolkan-semula-minyak-masak-peket-bersubsidi-tumpas	SINAR HARIAN
23-Jan	Harga kelapa, santan dijangka meningkat bulan Ramadan	https://malaysiagazette.com/2025/01/22/harga-kelapa-santan-dijangka-meningkat-bulan-ramadan/	MALAYSIA GAZETTE
23-Jan	Kos tinggi punca pelancong makin menjauhi Cameron Highlands	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/kos-tinggi-punca-pelancong-makin-menjauhi-cameron-highland/	UTUSAN MALAYSIA
23-Jan	Tiada kompromi terhadap mana-mana individu gugat keharmonian	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/tiada-kompromi-terhadap-mana-mana-individu-gugat-keharmonian	BERITA RTM
23-Jan	Elak Bertindak, Keluar Kenyataan Jejas Hubungan Baik Antara Kaum Dan Agama	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2385475	BERNAMA
23-Jan	Elak bertindak, keluar kenyataan jejas hubungan baik antara kaum dan agama	https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/22/elak-bertindak-keluar-kenyataan-jejas-hubungan-baik-antara-kaum-dan-agama	UTUSAN BORNEO
23-Jan	Elak bertindak, keluar kenyataan jejas hubungan baik antara kaum dan agama	https://www.tvsarawak.my/2025/01/22/elak-bertindak-keluar-kenyataan-jejas-hubungan-baik-antara-kaum-dan-agama/	TV SARAWAK
23-Jan	Avoid actions, statements affecting good relations among races and religions - Aaron	https://thesun.my/malaysia-news/avoid-actions-statements-affecting-good-relations-among-races-and-religions-aaron-HB13564210	THE SUN
23-Jan	Elak bertindak, keluar kenyataan jejas hubungan antara kaum - Aaron	https://www.sinarharian.com.my/article/708662/berita/nasional/elak-bertindak-keluar-kenyataan-jejas-hubungan-antara-kaum---aaron	SINAR HARIAN